


Lebar Sungai Bertam siap 61 peratus

Putrajaya: Fasa pertama Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembah Bertam iaitu bagi melebar dan menda-lamkan Sungai Bertam, Ca-meron Highlands kini men-capai tahap 61 peratus.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kapasiti asal Sungai Bertam ialah 5.5 juta meter padu dan projek RTB yang dilakukan itu bagi menge-lakkan kejadian banjir lum-pur seperti tahun lalu.



WAN Junaidi

“Projek RTB diputuskan kerajaan membabitkan se-hingga 22 juta meter padu kapasiti air sungai.

“Apabila hujan lebat, air dilepaskan ke Sungai Ber-tam namun, ia mencurah dan menyebabkan banjir lumpur,” katanya pada si-dang media, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, penambahan ka-pasiti itu boleh menampung air dilepaskan dari Empa-ngan Sultan Abu Bakar jika ia dilepaskan ke sungai.